

SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A.2017/07/50(HQ)

KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI TNB SUSUT SEBANYAK 7.3%

9 bulan berakhir 31 Mei 2017 (9BTK2017)

- **Keuntungan selepas cukai menyusut sebanyak 7.3% berikutan peningkatan Kos Kewangan dan Cukai.**
- **Pengekalan pelaburan semula perbelanjaan modal “capex” sebanyak RM7.54 bilion bagi memenuhi keperluan tenaga negara.**

Kuala Lumpur, 27 Julai 2017 – Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini mengumumkan Keuntungan Selepas Cukai Kumpulan untuk sembilan bulan bagi Tahun Kewangan 2017 (9BTK2017) sebanyak RM5.18 bilion berbanding RM5.58 bilion yang dilaporkan pada tempoh sama tahun lalu. Keuntungan Kumpulan menyusut sebanyak 7.3% terutamanya disebabkan oleh kenaikan kos kewangan dan cukai sepanjang tempoh berkenaan.

Peningkatan Kos kewangan terutamanya disebabkan oleh catatan kali pertama faedah bagi dana penjimatan daripada rundingan Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) berjumlah kira-kira sebanyak RM0.15 bilion. Untuk makluman, penjimatan daripada rundingan PPA adalah dana yang diwujudkan oleh Kerajaan pada tahun 2013 bagi tujuan pengumpulan simpanan daripada Rundingan Semula PPA dengan Pengeluar Tenaga Bebas (IPP) Generasi Pertama. TNB kini adalah pemegang amanah bagi dana tersebut, sehingga ia diserahkan kembali kepada pihak kerajaan.

Sejajar dengan Perintah Bekalan Elektrik Kerajaan Persekutuan (Kumpulan Wang Industri Elektrik) yang baru diwartakan pada April 2017, faedah yang perlu dibayar kepada kerajaan bagi dana penjimatan daripada rundingan PPA ini mula direkodkan ke dalam akaun Kumpulan pada suku ketiga Tahun Kewangan 2017.

Keuntungan Selepas Cukai turut terkesan akibat kenaikan sekaligus (once-off) cukai terutamanya disebabkan peningkatan perbelanjaan cukai tertunda (deferred taxation expense), hasil daripada peningkatan permodalan aset pada Tahun Kewangan 2016 dan Tahun Kewangan 2017, yang direkodkan pada suku ketiga Tahun Kewangan 2017.

Bagi 9BTK2017, purata harga arang batu dicatatkan lebih tinggi, iaitu RM312.30 setiap metrik tan berbanding dengan RM234.70 setiap metrik tan pada 9BTK2016. Ini menyebabkan perbelanjaan operasi Kumpulan untuk 9BTK2017 meningkat sebanyak 6.2%. Namun kenaikan ini dimitigasi oleh peningkatan jumlah pendapatan sebanyak 5.0%, terutamanya disebabkan oleh pemulangan (recoverability) kos penjanaan yang lebih tinggi melalui keberkesanan pelaksanaan mekanisma yang diluluskan oleh Kerajaan iaitu Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT). Keuntungan Selepas Cukai bagi perniagaan dikawal selia di bawah rangka kerja IBR yang sebahagian besarnya terdiri daripada perniagaan Penghantaran dan Pembahagian adalah sebanyak RM3.09 bilion untuk 9BTK2017, mewakili 59.6% daripada Keuntungan Selepas Cukai Kumpulan bagi tempoh yang sama.

Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd, berkata: "Mekanisme ICPT adalah sebahagian daripada reformasi pengawalseliaan yang lebih luas iaitu Kawalselia Berdasarkan Insentif (IBR). Ia membolehkan segmen bisnes Kumpulan di bawah pengawalseliaan agar kekal neutral daripada sebarang perubahan kos penjanaan dan harga bahan api."

Datuk Seri Ir. Azman Mohd, menambah: "Kami akan terus komited untuk *unlock values* disetiap segmen bisnes di dalam Kumpulan TNB. Ini melibatkan bisnes di segmen kawalselia dan tidak kawalselia. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pencapaian bisnes Penghantaran dan Pembahagian adalah konsisten dan setanding dengan negara-negara maju. Sistem minit bagi bisnes Penghantaran dicatat di bawah 1 minit dan System Average Interruption Duration Index atau SAIDI bagi bisnes Pembahagian pula direkodkan di bawah 50 minit. Bagi bisnes yang tidak kawalselia, Plant Availability Factor atau EAF bagi stesen janakuasa kami mencatat peningkatan yang mampan sejak Tahun Kewangan 2014. "

TNB terus memastikan keperluan tenaga rakyat dipenuhi melalui pelaburan berterusan dalam industri bekalan elektrik di Malaysia. Bagi 9BTK2017, sejumlah RM7.54 bilion perbelanjaan modal atau capex dilaburkan semula ke dalam negara. Ini mengukuhkan kunci kira-kira Kumpulan dengan peningkatan jumlah aset Kumpulan kepada RM138.2 bilion pada 31 Mei 2017.

Lembaga Pengarah mengambil maklum pemerhatian yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia ('BNM') dan Tabung Kewangan Antarabangsa ('IMF') pada Julai 2017 bahawa prestasi ekonomi Malaysia adalah lebih baik daripada jangkaan, dengan pandangan optimis untuk melangkah ke hadapan. Pada 24 Julai 2017, IMF menerusi World Economic Outlook menaikkan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ('KDNK') negara untuk 2017 kepada 4.8% daripada 4.5%. Lembaga Pengarah menjangkakan bahawa permintaan unit elektrik akan meningkat sejajar unjuran pertumbuhan KDNK.

Namun begitu, Lembaga Pengarah kekal berwaspada terhadap jangkaan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2017, berdasarkan prospek ketidakstabilan harga komoditi dan tenaga dunia.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 27 Julai 2017

*Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Datuk Omar Sidek di 013-3418988
atau Nor Hanim Idris di 019-2617617, atau e-mel ke media@tnb.com.my*

Sorotan Kewangan

RM' Juta	9-bulan berakhir Mei	
	<u>TK2017</u>	<u>TK2016</u>
Jumlah Pendapatan	34,953.1	33,294.8
Perbelanjaan Operasi	(28,466.2)	(26,816.4)
Pendapatan Operasi Lain	544.8	508.2
Lebihan Operasi (EBIT)	<u>7,031.7</u>	<u>6,986.6</u>
Kos Kewangan	(1,158.5)	(758.9)
Kerugian Translasi Tukaran Wang Asing	(11.4)	(275.2)
Keuntungan Bersih (Sebelum Kerugian Translasi Tukaran Wang Asing)	5,196.2	5,880.6
Keuntungan Bersih Yang Diagihkan Kepada Pemilik Syarikat	5,184.8	5,605.4
Pendapatan Sesaham	91.62 sen	99.32 sen

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik. Selain syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Ogos 2016, TNB membekalkan elektrik kepada 9.1 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan profesional, pembinaan, operasi dan penyenggaraan kemudahan penyeyjukan daerah, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkaitan tenaga boleh diperbaharui, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik bersepadu, TNB telah dan akan terus melaksanakan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.tnb.com.my